

TEKS UCAPAN
DATUK WIRA ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN
KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM
SESI LIBAT URUS BERSAMA KETUA PENGARANG DAN
PENGARANG MEDIA BAGI DASAR PASARAN KARBON
KEBANGSAAN (DPKK)

BILIK JAMUAN, ARAS 10, F11, PUTRAJAYA
17 APRIL 2026 (JUMAAT)

SALUTASI

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

Yang Berbahagia Datuk Nor Yahati binti Awang, Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Yang Berusaha Encik Ahmad Farid Mohamad, Setiausaha Bahagian Perubahan Iklim.

Ketua-Ketua Pengarang.

Rakan-rakan media yang saya sanjungi.

Pegawai-pegawai kanan NRES.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, dan Salam NRES Lestari,

2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ketua Pengarang, Pengarang dan Pengamal Media yang telah hadir pada hari ini bagi membincangkan dengan lebih lanjut mengenai Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) yang telah dipersetujui Kabinet pada 1 April 2026 yang lepas. Untuk makluman semua, DPKK akan diluncurkan pada 21 April 2026 di M World Hotel, Petaling Jaya dan pihak media akan turut dijemput membuat liputan semasa acara peluncuran tersebut berlangsung.

3. Untuk makluman tuan/puan, objektif sesi pada hari ini adalah seperti berikut:

- (i) memastikan isu-isu teknikal dapat diperjelaskan agar mesej DPKK yang ingin disampaikan adalah tepat dan dicerminkan dalam sebarang artikel dan bahan-bahan terbitan media sebelum diadakan peluncuran DPKK pada 21 April 2026;
- (ii) memastikan pihak media memberi liputan yang dapat mencapai kepada golongan sasar dengan tepat; dan
- (iii) memastikan liputan media adalah positif dan selari dengan hasrat NRES dan Kerajaan secara amnya.

4. Untuk makluman tuan/puan, secara dasarnya, DPKK adalah penting kerana Malaysia sebagai negara ahli kepada *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC) dan Perjanjian

Paris telah mengiktiraf penggunaan kredit karbon sebagai salah satu alternatif yang boleh digunakan bagi mengimbangi (*offset*) pelepasan gas rumah kaca (GHG) untuk mencapai *Nationally Determined Contributions* (NDC) sesebuah negara ahli.

5. Selain itu, DPKK juga penting bagi melengkapi pelaksanaan cukai karbon yang dijadualkan bermula pada tahun 2026 dengan tumpuan awal kepada sektor tenaga, besi dan keluli seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sewaktu pembentangan Belanjawan 2026 pada 10 Oktober 2025. Pelaksanaan cukai karbon dan juga *Emission Trading Scheme* (ETS) juga turut ditekankan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) di bawah strategi “Memantapkan Pengurusan Perubahan Iklim dan Alam Sekitar” yang telah dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2025. Sehubungan itu, adalah penting satu dasar atau kerangka diperkenalkan agar pembangunan ekosistem pasaran karbon dapat dimulakan dengan segera. Butiran mengenai perkara ini akan dibentangkan oleh pegawai Bahagian Perubahan Iklim dengan lebih mendalam sebentar lagi.

6. Walau bagaimanapun, berdasarkan perbincangan dan libat urus yang telah dibuat, terdapat beberapa kebimbangan yang telah dibangkitkan. Oleh yang demikian, peranan media adalah amat penting agar tidak berlaku salah faham mengenai tujuan utama DPKK ini diperkenalkan. Antaranya adalah kekeliruan berkenaan cukai karbon dan pasaran karbon. Untuk makluman tuan/puan, cukai karbon merupakan satu instrumen yang mengenakan penalti kepada pihak fasiliti yang membebaskan gas rumah kaca yang melebihi sesuatu paras yang ditetapkan. Pasaran karbon pula merujuk kepada proses jual beli kredit

karbon yang dijana oleh pemaju projek karbon kepada entiti yang ingin mengurangkan pelepasan GHG.

7. Dalam hal ini, pelaksanaan cukai karbon adalah tertakluk di bawah Kementerian Kewangan melalui rang undang-undang khusus berkenaan cukai karbon manakala pasaran karbon diterajui oleh NRES. Walau bagaimanapun, DPKK telah dirangka bagi melengkapi pelaksanaan cukai karbon kerana ia mampu menyediakan insentif untuk industri beralih menggunakan teknologi rendah karbon atau dengan menggunakan kredit karbon.

8. Peranan media juga penting bagi menerangkan mengenai pelaksanaan DPKK dalam konteks ketidakpastian ekonomi global ekoran konflik di Asia Barat. Berdasarkan keadaan pasaran semasa termasuk peningkatan kos bahan api fosil, DPKK wajar dilihat sebagai peluang strategik untuk pihak industri khususnya di bawah kategori "*hard to abate*" untuk mengurangkan pelepasan gas rumah kaca.

9. Ini kerana, kos bahan api yang rendah sering menjadi faktor utama yang merencat pelaksanaan tindakan mitigasi perubahan iklim. Oleh yang demikian, DPKK dilihat dapat menjadi insentif untuk pihak industri beralih ke arah rendah karbon dengan mengaplikasikan teknologi yang bukan sahaja mampu mengurangkan pelepasan gas rumah kaca malah turut menjimatkan.

10. Dengan DPKK juga, negara dapat mengambil peluang kemasukan pelaburan yang mampu mengurangkan kos menangani isu perubahan iklim khususnya melibatkan tindakan mitigasi. DPKK juga akan

memperkasakan posisi pelaburan syarikat-syarikat Malaysia di peringkat antarabangsa khususnya negara-negara ahli UNFCCC.

11. Oleh yang demikian, pihak industri dan pengguna juga dijangka lebih bersedia menerima dasar peralihan rendah karbon berdasarkan kenaikan kos bahan api fosil yang dialami pihak tersebut. Bagi memastikan perkara ini jelas, pelaksanaan cukai karbon dan DPKK juga akan mengambil kira isu yang dibangkitkan melalui libat urus yang mendalam agar pelaksanaannya kelak tidak akan membebankan pengguna.

12. Saya berharap melalui sesi penerangan pada hari ini akan memberi pendedahan kepada para pengarang media mengenai Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan dan dapat diterjemahkan melalui penulisan atau penyampaian yang mudah difahami oleh orang ramai memandangkan dasar ini berbentuk teknikal. Pada masa yang sama, NRES akan melaksanakan pelan komunikasi bagi menerangkan pelaksanaan DPKK secara berfasa supaya lebih ramai pihak terlibat dengan pasaran karbon.

Sekian, terima kasih.

Bahagian Perubahan Iklim

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

16 April 2026